

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan, Perak, Pahang dan Johor baru-baru ini dan apakah rancangan untuk menyelesaikan masalah ini daripada serius berlaku.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam melaksanakan kerja-kerja pemulihan pasca banjir, tumpuan utama diberikan kepada pemulihan keadaan mangsa-mangsa banjir yang terjejas. Untuk tujuan tersebut, kerajaan menyediakan tiga jenis bantuan kepada mangsa-mangsa iaitu bantuan wang ihsan, pembinaan rumah kekal baru dan pemberian rumah.

Bagi bantuan pengagihan wang ihsan, sehingga 2 April 2015, seramai 102,980 ketua isi rumah mangsa banjir dikenal pasti layak untuk menerima bantuan wang ihsan sebanyak RM500 seorang di negeri-negeri Kelantan, Perak, Pahang dan Johor. Pecahan bilangan ketua isi rumah mangsa banjir yang layak menerima bantuan wang ihsan mengikut negeri-negeri berkenaan setakat 2 April 2015 adalah seperti berikut:

- i. Kelantan – 72,499 orang;
- ii. Perak – 7,301 orang;
- iii. Pahang – 22,700 orang; dan
- iv. Johor – 480 orang.

Mangsa-mangsa banjir yang kehilangan rumah tempat tinggal mereka juga dibantu melalui bantuan pembinaan rumah kekal baru. Setakat 2 April 2015, sebanyak 2,062 permohonan bantuan pembinaan rumah kekal baru telah disahkan layak selepas verifikasi di negeri Kelantan, Perak dan Pahang. Tiada permohonan diterima untuk negeri Johor

setakat ini. Setiap buah rumah akan dibina dengan kos sebanyak RM48,000. Pecahan bilangan rumah kekal baru yang akan dibina mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Kelantan – 1,346 buah dibina akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan 572 dibina oleh Kerajaan Negeri. Jumlah keseluruhan adalah 1,918 buah rumah;
- ii. Pahang – 118 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- iii. Perak – 26 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi bantuan pembaikan rumah, sebanyak 5,681 permohonan telah diverifikasi untuk menerima bantuan pembaikan rumah di negeri Kelantan, Perak dan Pahang setakat 2 April 2015. Tiada permohonan diterima untuk negeri Johor setakat ini. Proses verifikasi masih dilaksanakan dan jumlah ini dijangka berubah di masa akan datang. Siling kos bagi pembaikan rumah adalah RM10,000 untuk setiap buah rumah. Pecahan permohonan bantuan pembaikan rumah yang telah diverifikasi mengikut negeri setakat 2 April 2015 adalah seperti berikut:

- i. Kelantan – 1,024 buah rumah;
- ii. Perak – 2,477 buah rumah; dan
- iii. Pahang – 2,180 buah rumah.

Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan-peruntukan berikut untuk memulihkan keadaan di negeri-negeri yang dilanda banjir:

- i. RM800 juta untuk membaiki dan membina semula infrastruktur asas seperti sekolah, hospital, jalan raya dan jambatan; dan
- ii. menyediakan RM893 juta di dalam Bajet 2015 untuk rancangan tebatan banjir.

Peruntukan-peruntukan tersebut disalurkan melalui kementerian-kementerian yang berkenaan dan agihan mengikut negeri ditentukan mengikut keperluan dan keutamaan.

Sekian. Terima kasih.